

40 disyaki hidap **Zika**

■ Mangsa jalani ujian
darah sebelum disahkan IMR

Rizanzam Abdul Hamid
rizanzam@rimetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 40 individu di seluruh negara disyaki menjadi mangsa terbaru dijangkiti virus Zika sedang menjalani ujian darah bagi mengesahkan jangkitan terbabit.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, pemeriksaan terhadap mereka dilaksanakan di makmal hospital kerajaan dan swasta manakala keputusannya ada disahkan

positif Zika ditentukan Insituti Penyelidikan Perubatan (IMR).

"Kita memberikan sepenuhnya hak kepada IMR untuk mengesahkan ujian darah dari makmal di seluruh negara sama ada ia positif Zika atau tidak.

"IMR mempunyai standard tertentu untuk diikuti dalam proses ujian darah itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Galeri Pameran MIC sempena ulang tahun ke-70 parti terbabit di Ibu Pejabat MIC, di sini, semalam.

Subramaniam yang juga Presiden MIC berkata,

sebelum ini 30 rakyat tempatan disyaki dijangkiti virus Zika namun ujian darah mendapati negatif.

"Setakat ini belum ada lagi perkembangan terbaru mangsa virus Zika selain empat yang disahkan sebelum ini," katanya.

Kes pertama Zika di negara ini dilaporkan pada 1 September di Klang, Selangor diikuti

kes kedua di Ilirias, Sabah pada 3 September lalu.

Virus berkenaan merekodkan kes ketiga

membabitkan wanita hamil anak pertama dengan usia kandungan lebih empat bulan di Johor Bahru, Johor pada 7 September lalu. Pada 10 Sep-

tember lalu, suami wanita hamil berkenaan turut disahkan positif virus itu menjadikannya mangsa keempat Zika di negara ini.

FAKTA

30 rakyat tempatan disyaki dijangkiti virus Zika namun ujian darah mendapati negatif

Harian metro
13/9/16
MLS 4



Rekod 78,226 kes denggi

Putrajaya: Kementerian Kesihatan merekodkan 78,226 kes denggi di seluruh negara sepanjang tempoh dari 3 Januari hingga kelmarin.

Berdasarkan data dikeluarkan Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Pusat Kesiediaan Krisis dan Tindak Balas (CPRC) Kementerian Kesihatan mendapati, Selangor mencatatkan 40,896 kes denggi sekali gus mendahului negeri lain.

"Ia diikuti Johor dengan 8,999 kes, Kuala Lumpur (6,140), Kelantan (3,861), Perak (2,771) dan Sabah (2,645).

"Malah, statistik turut merekodkan 172 kematian bermula 3 Januari hingga 3 September lalu," katanya.

Angka berkaitan kes denggi itu dipaparkan menerusi laman web rasmi iDengue, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, fenomena La Nina yang melanda Malaysia dijangka meningkatkan kes denggi di negara ini.

Katanya, setiap tahun fenomena La Nina membawa penurunan hujan lebih tinggi dan ia dilihat mengundang peningkatan trend kes denggi.